

## CETREE&GT MEMBANTU KeTTHA MEMPROMOSIKAN KEMPEN “ GREEN IS A LIFESTYLE ”

PUTRAJAYA, 2 Jun 2016 - Satu majlis pelancaran kempen yang bertemakan “ Green Is A Lifestyle ” telah berlangsung dengan jayanya di Taman Botani, Putrajaya. Kempen ini melibatkan penyertaan dikalangan seluruh warga penduduk Putrajaya serta yang bekerja disekitar kawasan Putrajaya. Kempen ini merupakan salah satu usaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama dengan agensi – agensi di bawah KeTTHA iaitu Suruhanjaya Tenaga dan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia). Kempen ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pembangunan pertumbuhan hijau dan gaya hidup hijau terutamanya dalam tenaga lestari, penjimatan penggunaan elektrik, dan air serta pelaksanaan amalan kitar semula.



Kempen yang berlangsung selama sehari, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung – pengunjung yang hadir ke program tersebut. Pelbagai pengisian aktiviti hands-on (kereta solar dan bot solar) bersama – sama pelajar sekolah menengah di sekitar kawasan Putrajaya dan jemputan pameran yang telah dirancang berjalan dengan jayanya sepanjang program tersebut berlangsung. Antara agensi kerajaan yang turut sama memeriahkan kempen tersebut adalah seperti Unit Pameran Bergerak Teknologi Hijau, Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE&GT), Suruhanjaya Tenaga, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC), Yayasan

Hijau Malaysia (YaHijau), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Bekalan Air (JBA) , Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd



Kempen “ Green Is A Lifestyle ” diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebagai perasmi bagi majlis pelancaran Kempen “ Green Is A Lifestyle ” yang berlangsung di Taman Botani, Putrajaya.



Terkini



Pautan